



# Buletin

Syawal 1445/ April 2024

# ACIS

## Kesinambungan Amal Diteruskan dalam bulan Syawal

eISSN 2600-8289



9 772 600 628 001

# Tips Menjadi Tuan Rumah dan Tetamu untuk *open house* ketika Syawal

Oleh:

**Ahmad Faiz bin Haji Ahmad Ubaidah  
& Nasif Sidquee Pauzi**

Pensyarah Kanan Akademi Pengajian Islam  
Kontemporari (ACIS), UiTM Cawangan Negeri Sembilan

Jika diamati, Rasulullah SAW sangat menggalakkan kita untuk menjamu orang lain kerana besarnya manfaat yang diperolehi dengannya seperti mengeratkan silaturahmi, menjemput keberkatan, menggembirakan orang lain dan sebagainya bahkan ia juga salah satu jalan menuju ke syurga sebagaimana yang dianjurkan oleh baginda. Selain itu, bagi mereka yang diundang ke *open house* ketika Syawal, hukumnya adalah sunat. Ini berbeza dengan hukum menghadiri walimah (majlis perkahwinan) yang dihukumkan wajib menghadirinya.

Persoalannya, apakah garis panduan yang boleh kita lakukan dalam menjamu orang atau menganjurkan *open house* dan apakah pula garis panduan bagi tetamu yang hadir ke *open house* mengikut saranan syarak? Jom semak perkara ini:

## TIPS UNTUK TUAN RUMAH

### Hidangan

Tidak salah mahu menyediakan makanan yang sedap-sedap, bahkan kita digalakkan untuk menyediakan hidangan yang terbaik. Namun biarlah bersederhana dan tidak berlebih-lebih. Usah memberatkan dan menyusahkan diri sendiri. Bukankah Allah SWT tidak menyukai orang yang berlebih-lebihan?

### Jemputan

Tidak salah menganjurkan *open house* bagi meraikan itu dan ini, namun usahlah membeza-bezakan tetamu jemputan. Keutamaan undangan adalah kepada jiran yang berhampiran di samping mengundang sahabat handai dan sanak saudara. Keberkatan barangkali ada dengan menjemput orang atau kenalan yang menurut kita biasa-biasa. Biarlah bertemu dan berpisah kerana Allah.

### Layanan

Tidak salah memberi kebebasan kepada tetamu, namun biarlah *open house* tidak dicatitkan dengan perkara yang boleh mengundang dosa. Kadang-kadang, elok sudah makan secara berjeramah, namun malangnya pergaulan pula tidak dijaga.

### Ucapan

Tidak salah berbalas-balas ucapan dan doa yang baik. Perbuatan ini bukanlah semata-mata mengambil hati. Sebaliknya, inilah peluang dan anjuran untuk menzahirkan kesyukuran dan berkongsi perasaan. Ucapan yang baik datangnya daripada hati yang baik. Mendoakan orang lain juga seolah-olah mendoakan diri sendiri.

## TIPS UNTUK TETAMU

### Hidangan

Sudah tentu sambutan Aidilfitri meriah dengan aneka juadah yang enak. Walau bagaimanapun Islam mengajar kita untuk sentiasa bersederhana. Apabila menjadi tetamu ambillah makanan seadanya, jangan berlebih-lebihan sehingga makanan terbuang begitu sahaja. Kesian tuan rumah berpenat lelah menyediakan makanan, tetapi akhirnya dibuang oleh tetamu. Ibu bapa yang membawa anak-anak perlu sentiasa

memerhati agar anak-anak tidak membazirkan makanan tuan rumah. Selain itu, bersyukurlah dengan hidangan yang disediakan. Jangan dikomen makanan yang tidak sedap atau tidak menepati selera kita. Jika kita tidak suka, cukuplah diamkan sahaja. Tetamu juga perlu menjaga mulut dengan tidak membanding-bandingkan makanan yang dihidangkan dengan rumah-rumah orang lain.

### Jemputan

Ucapkanlah terima kasih kepada tuan rumah apabila kita dijemput. Namun, jika kita tidak dapat hadir atas sebab yang tidak dapat dielakkan, alangkah manisnya sekiranya kita dapat memaklumkan kepada tuan rumah supaya dia tidak tertunggu-tunggu.

### Masa

Cubalah sebaik mungkin untuk menepati masa yang ditetapkan tuan rumah. Mungkin tuan rumah sudah merancang waktu-waktu tertentu supaya dapat fokus melayan tetamu yang hadir. Jika waktu kehadiran kita sudah terlalu lewat eloklah kita menghubungi tuan rumah terlebih dahulu bertanya jika masih sesuai datang ataupun tidak. Selain itu, apabila kita sudah hadir ke *open house*, janganlah terlalu lama berada di situ. Pandai-pandailah *adjust* masa kita sebagai tetamu. Janganlah kehadiran kita yang terlalu lama menjadi beban pula kepada tuan rumah.

### Jaga Mata, Telinga dan Mulut

Penulis Arab Najib Mahfouz berkata: "Jadilah kamu buta apabila masuk ke rumah orang dan jadilah kamu bisu apabila keluar dari rumah orang". Pesanan ini cukup mendalam kepada tetamu-tetamu yang hadir ke *open house*. Mata kita jangan melilau meneroka rumah tuan rumah. Ditakuti akan ternampak benda yang menjadi aib tuan rumah. Apabila pulang, kuncilah mulut kita daripada mengumpat tuan rumah. *Open house* yang bertujuan mengeratkan hubungan boleh menjadikan kita berdosa apabila tidak menjaga perkara ini.

### Jaga Kebersihan dan Pantau Anak-anak

Apabila selesai kita menikmati juadah yang disediakan tuan rumah, pastikan sisa makanan dan sampah sarap dibuang di tempat yang sepatutnya. Perhatikan anak-anak kita, jika ada makanan tertumpah pastikan mereka mengemas semula, jangan dibiarkan begitu sahaja. Anak-anak pula jangan dibiarkan berlari sebarangnya, takut nanti ada barangan berharga tuan rumah yang dirosakkan. Daripada niat nak menyambung silaturahmi, terus bermasam muka dibuatnya jika berlaku insiden-insiden yang tidak diingin ini.

### Bersalam-salaman

Bezakan syariat dan adat. Jika dulu orang-orang tua memaksa anak-anak bersalaman tanpa mengira mahram atau bukan, kini perkara tersebut wajar diperbetulkan. Sebagai ibu bapa, berilah nasihat dengan panduan agama. Anak lelaki bolehlah bersalaman dengan tuan rumah lelaki dan begitu juga sebaliknya.

### Televisyen dan Gajet

Hari raya adalah ruang mengeratkan hubungan. Kewujudan gajet pada hari ini banyak memberi kesan kepada kehidupan manusia. Hampir-hampir gajet merosakkan hubungan kemanusiaan, maka apabila kita bertamu ke rumah orang janganlah dihabiskan masa dengan melayari telefon pintar atau menonton televisyen semata-mata. Berbuallah dan bertanyalah khabar dengan tetamu yang hadir bagi menjalin hubungan yang baik.

**InsyaAllah**, tips ini menggembirakan hati orang di sekeliling bersama dan diri sendiri, semoga semuanya dalam *maidatillah*.